

Jawatan Ketua Menteri P. Pinang tidak digilirkan

Oleh SAMSOR JUNET
dan NAZRULLAH ROSLI

KUANTAN 11 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang tetap tidak akan digilir.

"Sistem giliran Ketua Menteri itu merupakan dasar sekarang dan saya merasakan tidak ada apa-apa perubahan yang difikirkan mengenai perkara ini," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas melawat Rumah Pangsa Kos Rendah Permatang Pak Mahat, di sini hari ini.

Abdullah mengulas hasrat hampir semua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Pulau Pinang akan membangkitkan penggiliran jawatan Ketua Menteri dalam kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) pada persidangan perwakilan masing-masing.

Berikutan itu Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon mengingatkan Pergerakan Pemuda UMNO agar berhati-hati dan mengkaji secara mendalam mengenai tuntutan penggiliran jawatan Ketua Menteri sebelum dijadikan usul untuk dibangkitkan pada mesyuarat bahagian.

Timbalan Presiden Gerakan itu berkata, ini memandangkan soal penggiliran jawatan itu tidak seharusnya dijadikan isu oleh mana-mana pihak ketika ini malah meminta Pemuda Gerakan agak tidak bertindak balas.

Bagaimanapun pada masa yang sama, Gerakan tetap mempertahankan resolusi yang diluluskan persidangan perwakilannya Ahad lalu yang mendesak kerajaan mengkaji semula kriteria kemasukan pelajar ke universiti tempatan berdasarkan sistem meritokrasi.

Dalam pada itu, Abdullah yang juga Presiden UMNO menasihatkan ahli parti supaya tidak mencetuskan sebarang perga-

UM-12/8/2006

Sistem giliran Ketua Menteri itu merupakan dasar sekarang dan saya merasakan tidak ada apa-apa perubahan yang difikirkan mengenai perkara ini

**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri

duhan dalam mesyuarat-mesyuarat bahagian yang berlangsung di seluruh negara ketika ini.

Sambil menegaskan tiada garis panduan tertentu dikeluarkan kepada ahli UMNO yang bermesyuarat, Perdana Menteri berkata, apa yang penting mesyuarat perlu dijalankan mengikut peraturan.

"Tentang mesyuarat-mesyuarat bahagian sekarang...saya nasihatkan semua supaya ikutlah peraturan, jangan buat kacau, jangan gaduh sudahlah, saya pun dah cagak, saya tak mahu cagak lagi dah," katanya.

Menurutnya, setakat yang beliau dengar

berkaitan dengan isu letak jawatan para pemimpin UMNO ketika ini, ia melibatkan isu peribadi dan tidak ada kena-mena dengan parti.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan pergolakan pucuk pimpinan UMNO bahagian Shah Alam apabila tiga pemimpinnya meletakkan jawatan serentak berkuat kuasa kelmari selepas berbalah dengan Ketua Bahagian, Datuk Salomon Selamat.

Mereka yang meletakkan jawatan ialah Setiausaha UMNO Bahagian, Shamsudin Hashim; Bendahari, Datuk Manan Mohd. Said dan Ketua Penerangan, Md. Taib Mat.